



14 FEB, 2026

TNEC, PFMI bangun, kendali Sistem Penyejukan Berpusat di Shah Alam

Harian Metro, Malaysia



TNEC, PFMI bangun, kendali Sistem Penyejukan Berpusat di Shah Alam

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), melalui anak syarikat masing-masing TNB Engineering Corporation Sdn Bhd (TNEC) dan PKNS FM Integrated Sdn Bhd (PFMI), memeterai kerjasama strategik untuk membangunkan dan mengendalikan Sistem Penyejukan Berpusat di Seksyen 14, Shah Alam, Selangor.

Menurut kenyataan bersama, kerjasama itu yang dimeterai baru-baru ini, menggabungkan kepakaran kejuruteraan dan keupayaan infrastruktur tenaga TNB melalui TNEC dengan pemilikan aset serta portfolio pembangunan bandar PKNS, sekali gus meletakkan projek itu sebagai pemangkin utama dalam pembangunan bandar yang mampan dan cekap tenaga di Selangor.

“Melalui projek ini, cecair penyejuk yang dijana daripada loji penyejukan berpusat akan dibekalkan kepada bangunan yang dimiliki atau diuruskan oleh PKNS dan syarikat bersekutunya, serta kepada penyewa dan pemarkah dalam kawasan pembangunan yang ditetapkan.

“Antara kawasan utama yang terlibat ialah Plaza Perangsang, Plaza Alam Sentral, SA Sentral, SACC Mall, Ibu Pejabat PKNS dan Kompleks PKNS Shah Alam,” katanya.

Ia berkata, projek itu turut direka untuk menyokong pembangunan masa depan dalam kawasan berkenaan, termasuk SA Sentral, sebuah projek mercu tanda transformatif yang dirangka untuk meletakkan Shah Alam sebagai hab perniagaan terkemuka di Selangor.

Dokumen kerjasama strategik itu ditandatangani oleh Pengarah Urusan TNEC Ahmad Nizam Hassan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PFMI Shamsul Bahari Ahmad, yang mana ia menjadi tanda pencapaian penting dalam pelaksanaan projek Sistem Penyejukan Berpusat.